

PROSES AKREDITASI SKIM MAHTAS

Proses akreditasi Skim MAHTAS adalah terdiri daripada empat peringkat seperti berikut.

- i. Permohonan;
- ii. Bimbingan;
- iii. Pengauditan; dan
- iv. Kelulusan.

1. Permohonan

Permohonan baharu dan permohonan pembaharuan hendaklah dibuat dengan mengemukakan Borang Permohonan (MAHTAS 1) yang lengkap kepada urus setia berserta lampiran. Berikut adalah dokumen yang perlu disertakan bersama borang MAHTAS 1:

- i. Salinan Lesen Pendaftaran Syarikat/Perniagaan (ROC/ROB);
- ii. Salinan Lesen Majlis Tempatan / Majlis Perbandaran;
- iii. Salinan Kelulusan Jabatan Bomba dan Penyelamat;
- iv. Salinan Sijil Kalibrasi Thermocouple yang dikeluarkan oleh syarikat yang diiktiraf oleh Jabatan Standard Malaysia;
- v. Profil syarikat :
 - a. Alamat perniagaan
 - b. Pemilik Syarikat (dilampirkan salinan Sijil Perakuan Pemerbadanan Syarikat Sendirian)
 - c. Carta Organisasi
 - d. Pengetahuan dan latihan dalam kerja rawatan haba

Senarai semak lampiran yang diperlukan telah dinyatakan di dalam MAHTAS 1.

Permohonan untuk pembaharuan hendaklah dikemukakan kepada urus setia dalam **tempoh enam (6) bulan sebelum** akreditasi Skim MAHTAS tamat.

Permohonan dibuat samada melalui emel atau penghantaran terus kepada :

Urus Setia Skim Akreditasi Rawatan Haba Malaysia (MAHTAS)
Seksyen Akreditasi dan Fasilitasi Eksport
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
Jabatan Pertanian
Tingkat 1-3, Wisma Tani
Jalan Sultan Salahuddin
50632 Kuala Lumpur

e-mel : myskim.doa@gmail.com / myskim.doa@doa.gov.my

2. Bimbingan

Bimbingan akan diberi kepada pemohon jika diperlukan. Pegawai pembimbing akan ditugaskan memberi bimbingan kepada pemohon untuk memastikan standard dan keperluan Skim MAHTAS dipenuhi. Pemohon perlu memenuhi kriteria yang ditetapkan dengan menyediakan peralatan, fasiliti, dokumentasi dan tenaga mahir yang kompeten sebelum ia layak diaudit. Urus setia akan menguruskan audit bagi pemohon yang telah disyorkan oleh pegawai pembimbing.

3. Pengauditan

Audit perlu dijalankan oleh sekurang-kurangnya dua (2) orang juruaudit. Berikut adalah jenis-jenis audit yang terlibat:

i. Audit Pematuhan (*Compliance Audit*)

Audit ini merupakan audit permulaan bagi pemohon baharu Skim MAHTAS yang telah dibimbing.

ii. Audit Pembaharuan (*Renewal Audit*)

Audit ini dijalankan ke atas peserta Skim MAHTAS yang akan tamat tempoh akreditasi. Audit dijalankan sebelum tempoh akreditasi tamat.

iii. Audit Pemantauan (*Monitoring Audit/ Unannounced Audit*)

Pengauditan ini merupakan pemeriksaan yang akan dilaksanakan pada bila-bila masa bagi memantau pematuhan terhadap keperluan Skim MAHTAS. Audit dijalankan kepada peserta sekurang-kurangnya sekali dalam setiap dua tahun untuk memastikan pematuhan yang berterusan terhadap prosedur dan keperluan skim.

iv. Audit penyertaan semula (*Reinstatement Audit*)

Audit ini dijalankan ke atas peserta Skim MAHTAS yang telah dikenakan hukuman ketidakpatuhan oleh Jawatankuasa Induk Skim. Audit akan dilaksanakan sebelum tamat tempoh hukuman bagi membuat penilaian terhadap penambahbaikan yang dijalankan.

v. Audit semula (*Reaudit*)

Audit ini dilaksanakan apabila terdapat keraguan terhadap pematuhan atau isu-isu yang timbul semasa pengauditan terdahulu dijalankan berdasarkan laporan audit yang dikemukakan.

Bagi pemohon/ peserta yang gagal membuat pembetulan ke atas ketidakpatuhan dalam tempoh masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan untuk kelulusan.


4. Kelulusan

Laporan audit hendaklah dibentangkan kepada Jawatankuasa Teknikal Skim untuk penilaian dan pengesyoran kepada Jawatankuasa Induk Skim.

Urus setia akan mengeluarkan surat kelulusan menyertai Skim MAHTAS beserta Sijil kepada pemohon/ peserta yang telah mematuhi semua kriteria semasa pengauditan dijalankan. Surat pemakluman status gagal/ penambahbaikan/ amaran atau lain - lain akan diberikan kepada pemohon/ peserta dan salinan kepada Pejabat Biosekuriti Tumbuhan Negeri mengikut keputusan mesyuarat Jawatankuasa Induk Skim.

Bagi permohonan baharu yang diluluskan, nombor kod akreditasi akan diberikan kepada peserta. Tempoh sah akreditasi adalah selama dua tahun. Maklumat syarikat dan tempoh sah akreditasi akan dikemaskini di dalam laman sesawang Jabatan Pertanian.

Berikut adalah format nombor kod akreditasi bagi peserta Skim MAHTAS yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pertanian:



5. Tarik diri

Peserta yang ingin menarik diri daripada Skim MAHTAS perlu mengemukakan surat permohonan penarikan diri kepada urus setia.

6. Pembatalan Akreditasi

Tindakan pembatalan akreditasi akan dilakukan kepada peserta Skim MAHTAS yang tidak memperbaharui akreditasi skim selepas 1 tahun tamat tempoh. Peserta yang dibatalkan perlu membuat permohonan baharu sekiranya ingin menyertai skim semula.

7. Tempoh Proses Akreditasi

Keseluruhan proses akan mengambil masa 90 hari bekerja dengan mengikut semua keperluan dan standard yang dinyatakan selepas menerima permohonan yang lengkap, tanpa mengambil kira proses bimbingan.